



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU
4 OKTOBER 2025



Dalam Negeri

Utusan Malaysia
SABTU 4 OKTOBER 2025

3



WORLD SOCIAL SECURITY FORUM

STEVEN Sim Chee Keong (tengah) bersama ahli-ahli panel semasa sesi soal jawab sempena Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Malaysia terajui sistem keselamatan sosial global

Oleh JOHANNA
MUNTJAZ WANPA
johanna.p@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai peneraju utama dalam memperkasa sistem keselamatan sosial global selepas Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dipilih semula sebagai Presiden Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) bagi penggal kedua.

Pemilihan semula ini membuktikan pengiktirafan dunia terhadap Malaysia sekali gus mengukuhkan komitmen negara terhadap prinsip keadilan, daya tahan dan inovasi dalam perlindungan sosial global.

Sepanjang penggal pertamanya, Dr. Mohammed Azman yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) telah meletakkan ISSA sebagai pusat dialog global, mempengaruhi dasar serta menjalin kerjasama dengan pelbagai organisasi antarabangsa.

Antara kerjasama itu termasuk dengan Kumpulan G20, BRICS (Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) serta Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

Pada masa sama, beliau turut memperjuangkan prinsip 'pencegahan sebelum pemulihan, pemulihan sebelum pampasan' yang bukan sahaja menjadi aspirasi, malah diterjemahkan sebagai amalan antarabangsa yang memulihkan ke-



DATU' SRI DR. MOHAMMED AZMAN AZIZ MOHAMMED

hidupan, maruah dan harapan pekerja di seluruh dunia.

Menurut Dr. Mohammed Azman, pemilihan semula itu merupakan pengiktirafan besar yang mencerminkan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap hala tuju ISSA.

Katanya, misi besar yang digalas bersama mandat itu adalah untuk membela nasib 3.8 bilion masyarakat dunia yang masih belum mendapat perlindungan keselamatan sosial.

Selubungannya itu, beliau menegaskan bahawa fokus utama bukan sekadar melindungi, tetapi juga memperkasa melalui kerjasama global supaya tiada mana-mana pihak yang tercicir.

"Sistem keselamatan sosial kini berdepan cabaran mendesak termasuk kejutan iklim yang menjejaskan mata pencarian, penemuan populasi yang memberi tekanan kepada sistem kesihatan dan perkhidmatan sosial serta kemunculan bentuk pekerjaan baharu yang mengugat model sumbangan tradisional.

"Isu-isu ini sedang memerlukan askan jurang ketidaksamaan dan risiko pengecualian, di samping cabaran besar melindungi pekerja migran dan memastikan manfaat mereka boleh dibawa merentasi sempadan," katanya.

**PERKESO TANGANI
DIABETES**
Sementara itu, Perkeso ter-

paksa membelanjakan kira-kira RM421 juta setiap tahun bagi menangani kes diabetes dan penyakit berkaitan gula yang semakin meningkat di negara ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong mendedahkan perbelanjaan itu sebahagian besarnya meliputi rawatan serta faedah berkaitan komplikasi akibat pengambilan gula berlebihan.

"Malaysia adalah antara negara 'paling manis' di dunia. Kita memang orang yang manis tetapi kerana gula dan diabetes, ia menyebabkan Perkeso menanggung kos hampir RM421 juta setahun," katanya pada sesi panel Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Mengulas usaha menangani masalah itu, Sim berkata, Perkeso melancarkan kempen antigula peringkat kebangsaan pada tahun lalu dengan menawarkan pemeriksaan kesihatan percuma dan program kesedaran kepada pekerja.

"Pendekatan kerajaan bukan sekadar bertindak selepas pekerja cedera atau sakit, sebaliknya memberi tumpuan kepada pencegahan.

"Kita tidak mahu hanya hadir ketika kemalangan berlaku. Kita mahu menyumbang secara aktif dalam mengurangkan kecederaan di tempat kerja, kemalangan jalan raya dan penyakit pekerjaan sebelum ia terjadi," katanya.

Sim turut memaklumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar

Ibrahim baru-baru ini mengumumkan rancangan membangunkan rang undang-undang untuk meluaskan perlindungan keselamatan sosial 24 jam kepada pekerja Malaysia.

Katanya, langkah itu penting bagi menangani isu keletihan, tekanan dan risiko kesihatan yang melangkaui waktu bekerja.

"Perkeso berusaha mengurangkan kos dan meningkatkan kecukupan perkhidmatan melalui operasi fasiliti dalam termasuk pusat dialisis dan pusat pemulihan canggi.

"Pendekatan itu bukan sahaja mengurangkan perbelanjaan, malah memperluas akses penjagaan kesihatan kepada pekerja yang dilindungi," katanya.

WSSF 2025: PERKASA PERLINDUNGAN SOSIAL

Penganjuran WSSF 2025 disifatkan sebagai kejayaan hasil kerja berpasukan serta pengorbanan ramai pihak dalam memastikan forum itu mencapai matlamatnya.

Dr. Mohammed Azman berkata, sepanjang lima hari berlangsungnya forum berkenaan, peserta telah merentasi benua untuk meneroka pelbagai idea, inovasi dan masa depan keselamatan sosial secara bersama.

"Setiap permulaan akan berakhir di garisan penamat dan apabila kita bersiap sedia untuk mengucapkan selamat tinggal, janganlah kita anggap ini sebagai pengakhiran forum. Sebaliknya, anggaplah ini sebagai permulaan kepada tindakan baharu," katanya.

KWSP pekerja asing, kena lihat kemampuan majikan - MEF

PETALING JAYA: Pelaksanaan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja asing perlu diberi penambahbaikan bagi memastikan keseimbangan antara perlindungan sosial dan keupayaan kewangan majikan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman, pelaksanaan tersebut juga perlu bersesuaian dengan realiti semasa majikan, terutama sektor PKS yang masih bergelut dengan tekanan aliran tunai, margin keuntungan yang mengecil dan akses pembiayaan terhadap.

Malah katanya, penyelesaian secara praktikal termasuk peningkatan caruman KWSP

pada masa depan perlu dibuat selepas kajian menyeluruh serta perbincangan dengan pihak berkepentingan.

“Tidak dapat dinafikan pelaksanaan perlindungan sosial mandatori untuk semua pekerja, termasuk pekerja asing akan memberi cabaran kewangan kepada PKS.

“Kebekesanan kadar caruman dua peratus itu nanti bergantung pada pelaksanaannya, sama ada ia akan disertakan dengan langkah lain untuk mengurangkan kesan negatif terhadap majikan, pekerja bukan warganegara serta kerajaan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

KWSP akan melaksanakan caruman wajib bagi semua pekerja bukan warganegara di Malaysia bermula November

dengan potongan berasaskan gaji bulan Oktober.

Di bawah dasar baharu itu, kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja wajib mencarum sebanyak dua peratus.

Caruman tersebut melibatkan pekerja asing yang memiliki passport serta pas pekerja asing sah yang dikeluarkan Jabatan Imigresen, kecuali pembantu rumah.

Dalam pada itu, Syed Hussain berkata, pendirian kerajaan yang mahu memastikan semua pekerja diberi perlindungan sosial selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) wajar disokong.

Bagaimanapun beliau mencadangkan agar pelaksanaannya dibuat secara berfasa dan fleksibel dengan mengambil kira tahap kemampuan syarikat.

WSSF 2025 jadi pentas global perkasa sistem perlindungan sosial

KUALA LUMPUR – Beberapa negara seperti Australia, Seychelles, Iceland, Kazakhstan berkongsi pandangan berhubung sistem keselamatan sosial khususnya kepada kanak-kanak, keluarga serta peluang sama rata kepada semua lapisan masyarakat menerusi Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025.

Forum sebegini dilihat penting dalam memastikan tiada golongan rentan tercalar daripada bantuan, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi global yang mencabar.

Pengurus Kumpulan Sistem, Strategi dan Jabatan Kanan Perkhidmatan Sosial, Australia, Jo Evans berkata, di negaranya sistem keselamatan sosial diwujudkan bagi memberikan perlindungan kepada individu yang mempunyai tanggungjawab menjaga anak, golongan kurang berkemampuan serta pengangsur atau ketidakupayaan.

Menurutnya, kerajaan Australia menyediakan pencen, elaun dan faedah keluarga yang disesuaikan mengikut keperluan rakyat.

"Kami memberikan kadar bantuan lebih tinggi kepada ibu bapa tunggal dan penerima yang mempunyai anak. Sistem kami fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut perubahan kehidupan penerima."

"Australia juga memperluaskan capaian perkhidmatan melalui lebih 300 pusat khidmat, talian bantuan 24 jam dan pusat bergerak yang menjangkau komuniti luar bandar dan pedalaman," katanya.



Barisan ahli panel dan moderator pada forum Keselamatan Sosial Untuk Kanak-Kanak, Keluarga dan Peluang Sama Rata, WSSF 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Khamis.

“

Kami memberikan kadar bantuan lebih tinggi kepada ibu bapa tunggal dan penerima yang mempunyai anak. Sistem kami fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut perubahan kehidupan penerima.”

- Jo Evans

Beliau berkata demikian dalam forum yang bertajuk Keselamatan Sosial Untuk Kanak-Kanak, Keluarga dan Peluang Sama Rata sempena WSSF 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini pada Khamis.

Antara panel yang hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Perlindungan Sosial, Seychelles, Brenda Morin; Ketua Pengarah Tryggingastofnun ríkisins,

Iceland, Huld Magnúsdóttir dan Pengerusi Lembaga Dana Insurans Sosial Negara, Kazakhstan, Almas Muhametkarimovich Kurmanov.

Sesi berlangsung selama satu jam itu dikendalikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, Tabung Kebangsaan Peruntukan Keluarga (CNAF), France, Isabelle Sancerni selaku moderator.

Sementara itu, Brenda memberitahu,

program kebajikan sosial merangkumi pelbagai bantuan sasar dan merupakan belanjawan terbesar kerajaan Seychelles.

"Seychelles turut melaksanakan pembaharuan menyeluruh bagi menyatukan pelbagai bantuan merentas kementerian untuk meningkatkan keberkesanan dan ketelusan sistem," jelasnya.

Sementara itu di Iceland, sistem perlindungan sosial berpaksi akses sejagat yang mana setiap penduduk, tanpa mengira latar belakang atau status pekerjaan berhak mendapat perlindungan sewajarnya.

Huld menegaskan bahawa perlembagaan negara itu menjamin hak kepada bantuan sosial, terutama bagi kanak-kanak, keluarga miskin dan individu kurang upaya.

"Kami memastikan dasar kami sejajar dengan piawaian antarabangsa. Fokus kami ialah untuk membina sistem yang inklusif, telus dan dapat diakses oleh semua, termasuk melalui kerjasama dengan pertubuhan masyarakat," ujarnya.

WSSF 2025 menjadi hab perbincangan antarabangsa mengenai perlindungan sosial anjuran Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta disokong oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Unit Penyelidikan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	4 Oktober 2025
Ruang	Negara
Muka Surat	7

KOSMO! SABTU 4 OKTOBER 2025

Pekerja gig dilindungi undang-undang

- Kerajaan perkenal beberapa reformasi sistem perlindungan sosial
- Sektor gig bukan kerja sementara, jadi pilihan ramai

Oleh AMIR HAIKAL KAMARUDIN

KUALA LUMPUR – Pekerja gig dan pekerja asing di Malaysia kini tidak lagi dipinggirkan selepas kerajaan memperkenalkan beberapa reformasi besar dalam sistem perlindungan sosial negara.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, buat pertama kali Malaysia menggubal undang-undang khusus bagi melindungi pekerja gig yang sebelum ini tidak diliputi oleh peruntukan undang-undang sedia ada.

"Pada akhir Ogos lalu, kita telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig yang memberi perlindungan termasuk jaminan keselamatan sosial kepada pekerja gig.

"Ini penting kerana sektor gig bukan lagi kerja sementara, sebaliknya menjadi pilihan ramai kerana fleksibilitinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap-



NASIB pekerja gig kini semakin terbela selepas kerajaan memperkenalkan beberapa reformasi besar dalam sistem perlindungan sosial.

tama pada Sidang Kemuncak Keselamatan Sosial Dunia 2025, di sini semalam.

Dalam pada itu, Sim berkata, sejak tahun lalu kerajaan turut memperluas perlindungan insurans sosial penuh kepada semua pekerja asing yang bekerja di Malaysia, sama ada golongan ekspatriat profesional atau pekerja kurang mahir.

"Mereka datang membantu membangunkan negara kita. Sebelum ini hanya warganegara Malaysia menerima perlindungan penuh, namun kini semua pekerja asing turut menikmati

faedah sama," jelasnya.

Pada masa sama, Steven berkata, kadar liputan perlindungan sosial pekerja meningkat sehingga 64 peratus dalam tempoh 10 tahun lalu.

Ujarnya, jumlah bayaran faedah kepada pencarum juga bertambah hampir 12 peratus sejak 2015 dan pindaan undang-undang pada tahun lalu telah menaikkan kadar bayaran sehingga 20 peratus.

"Dengan semangat Malaysia Madani, tiada sesiapa pun yang akan ditinggalkan daripada perlindungan sosial," katanya.

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	4 Oktober 2025
Ruang	Negara
Muka Surat	7

WSSF 2025 himpun lebih 1,500 perwakilan dari 164 negara

KUALA LUMPUR – Sidang Kemuncak Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025 yang berakhir di sini, semalam, mengangkat Malaysia di pentas antarabangsa apabila membincangkan isu perlindungan sosial dalam era perubahan global.

Presiden Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), Dr. Mohammed Azman Aziz berkata, kejayaan forum keselamatan sosial terbesar dunia yang diadakan selama lima hari itu adalah hasil kerjasama luar biasa semua pihak.

"Untuk lima hari ini, walaupun berpusat di Kuala Lumpur, sebenarnya telah mengembara merentas benua, berkongsi idea, inovasi dan masa depan bersama," katanya.

Sorotan utama penutup forum ialah penganugerahan ISSA Award for Outstanding Achievements in Social Security 2025 kepada kerajaan India atas inisiatif berani memperluas perlindungan sosial menerusi portal eShram, yang berjaya mendaftarkan lebih 300 juta pekerja sektor tidak formal.



MOHAMMED AZMAN (kiri) menjadi moderator pada Sidang Kemuncak Keselamatan Sosial 2025 Dunia di Kuala Lumpur semalam.

Selain itu, majlis penutup turut menyaksikan penganugerahan Certificates of Excellence kepada 19 institusi keselamatan

sosial dari 14 negara termasuk Colombia, Guinea, Oman dan Filipina yang julung-julung kali menerima pengiktirafan terse-

but.

Secara keseluruhan, 34 sijil diberikan pada edisi kali ini sebagai penghargaan atas pencapa-

ian dalam mengaplikasikan garis panduan ISSA.

Dalam pada itu, Azman turut merakamkan penghargaan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Jabatan Perdana Menteri yang menjadi tulang belakang menjayakan penganjuran tersebut.

Katanya, WSSF 2025 bukanlah pengakhiran, sebaliknya permulaan kepada gerakan baharu.

"Jangan anggap ini penutup, sebaliknya lihatlah ia sebagai permulaan kepada tindakan baharu. Semoga semangat forum ini kita bawa pulang ke pejabat, ke rumah dan yang paling penting ke dalam kehidupan masyarakat yang kita lindungi," katanya.

Dengan berlalunya tirai WSSF 2025, Kuala Lumpur kini tercatat dalam sejarah sebagai hab global yang berjaya mempertemukan pemimpin dunia, pakar teknikal dan institusi antarabangsa untuk merangka masa depan perlindungan sosial yang lebih inklusif dan mampan.

Sabtu, 4 Oktober 2025

Nasional

5

Dr Mohammed Azman dipilih semula sebagai Presiden ISSA

Pemilihan bawa prestij kepada Malaysia terajui kepimpinan keselamatan sosial global

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia kekal menerajui kepemimpinan keselamatan sosial global apabila Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed dipilih semula bagi jawatan Presiden Pertubuhan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA).

Sebelum ini, Dr Mohammed Azman dipilih sebagai Presiden ISSA ke-17 pada Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2022 di Maghribi dan mula berkhidmat sejak 2023.

Beliau diberi kepercayaan menerajui ISSA buat penggal kedua dengan mandat global padu daripada institusi ahli ISSA di seluruh dunia.

Dr Mohammed Azman berkata, pendekatan 'memperjuangkan prinsip 'pencegahan sebelum pemulihan, pemulihan sebelum pampasan' menjadi aspirasi kepada amalan antarabangsa yang memulihkan kehidupan, maruah dan harapan.

"Jalan ke hadapan penuh dengan cabaran mendesak termasuk tekanan iklim yang menjaskan sumber kehidupan, penuaan populasi yang memberi tekanan kepada sistem kesihatan dan perkhidmatan sosial serta kemunculan bentuk pekerjaan baharu yang melemahkan model konvensional.

"Isu sedemikian melebarkan jurang ketidakaksamaan dan risiko peminggiran, di samping cabaran besar dalam melindungi pekerja migran serta memastikan kebolegunaan faedah me-



Dr Mohammed Azman dipilih terajui ISSA buat penggal kedua.

reka merentasi sempadan," katanya.

Galas misi
Beliau berkata, sistem keselamatan sosial berdepan ujian kritikal dalam mengekalkan pembiayaan mampan dalam ekonomi global yang tidak menentu, apabila populasi menua, kos penjagaan kesihatan meningkat dan ketidakpastian global terus memberi tekanan kepada sumber.

"Dalam konteks ini, pemilihan semula jawatan Presiden ISSA datang bersama misi berat untuk menghadapi realiti 3.8 bilion penduduk dunia belum dilindungi oleh keselamatan sosial.

"Tugas mendatang bukan sahaja untuk melindungi, tetapi juga memperkasa melalui kerjasama global agar tiada siapa yang tertinggal dalam dunia yang berubah pantas," katanya.

Pemilihan semula itu juga membawa prestij kepada Malaysia, mengesahkan komitmen

negara terhadap keadilan, daya tahan dan inovasi dalam perlindungan sosial global.

"Kepercayaan besar ini mengukuhkan kedudukan Malaysia di barisan hadapan dalam memacu sistem keselamatan sosial yang inklusif, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa depan," katanya.

Sepanjang penggal pertamanya, Dr Mohammed Azman juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), meletakkan ISSA sebagai pusat dialog global, mempengaruhi dasar serta menjalin kerjasama dengan pelbagai organisasi antarabangsa.

Isa termasuk Kumpulan G20, BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan), Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) serta ASEAN.

Diadakan pada 1927, ISSA mewakili lebih 330 institusi ahli di 164 negara dan kekal sebagai organisasi antarabangsa terkemuka bagi kerjasama keselamatan sosial.

Sementara itu, pelantikan semula Dr Mohammed Azman sebagai Presiden ISSA mendapat pujian perwakilan yang menyifatkan kepimpinannya sebagai berwibawa, inspirasi dan berjaya membawa organisasi ke tahap lebih tinggi.

Perwakilan Indonesia, Ali Ghufon Mukti, berkata kepimpinan Dr Mohammed Azman memberi impak besar pembabit aktif negara anggota dalam ISSA.

"Beliau berjaya menarik perhatian ramai pemimpin kementerian dan pakar dari seluruh dunia ke WSSF di Kuala Lumpur.

"Saya fikir kepimpinan beliau sangat baik dan wajar dihargai," katanya.

Perwakilan Geneva, Anne Kokeri, menyifatkan Dr Mohammed Azman sebagai pemimpin berkarisma yang memberi inspirasi dan jelas dalam membuat keputusan.

Perkukuh kerjasama global, perkasa masa depan

Kuala Lumpur: Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025 selama lima hari melabuhkan tirai dengan kejayaan membanggakan dalam memperkukuh kerjasama global dan memperkasa masa depan jaminan sosial.

Presiden Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata penganjuran di Kuala Lumpur itu membuktikan ketuhanan semangat, kebijaksanaan dan inovasi yang dikongsi lebih 330 penceramah menerusi 133 sesi.

"Sepanjang lima hari, kita bagai merentas benua dengan meneroka idea, inovasi dan masa depan bersama.

"Setiap perbincangan menyumbang kepada dialog yang akan bergema jauh melepasi lokasi acara ini," katanya berucap pada majlis penutup WSSF 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Dr Mohammed Azman berkata, kejayaan WSSF 2025 dicapai hasil kerja berpasukan yang luar biasa dan sokongan padu pelbagai pihak.

"Ucapan penghargaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kerana menjadi rakan strategik penganjuran.

"Penghormatan juga perlu diberi kepada Jawatankuasa Pengantar Kebangsaan (NOC) yang menjadi 'wira tidak didendang' kerana bertungkus-lumus memastikan kelancaran acara hingga mendapat pengiktirafan komuniti global," katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada sekretariat ISSA, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), organisasi antarabangsa lain dan jurubahasa yang menjadi jambatan dalam memastikan idea tidak hilang dalam terjemahan.

PERKESO belanja RM421j tangani kes diabetes



Steven Sim

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membelanjakan kira-kira RM421 juta setiap tahun bagi kes membabitkan diabetes dan penyakit berkaitan gula yang terus meningkat di negara ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata sebahagian besar perbelanjaan itu meliputi rawatan dan faedah berkaitan komplikasi akibat pengambilan

gula berlebihan.

"Malaysia antara negara 'paling manis' di dunia. Orang kita memang manis tetapi gula dan diabetes menyebabkan PERKESO menanggung kos RM421 juta setahun," katanya ketika menjadi panel Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Panel lain ialah Menteri Buruh

dan Pekerjaan India, Mansukh Mandaviya; Menteri Buruh, Pekerjaan dan Keselamatan Sosial Paraguay, Monica Recalde De Giacomini serta Menteri Perkhidmatan Awam, Buruh dan Pembaharuan Perkhidmatan Awam Senegal, Olivier Boudal.

Sim berkata, PERKESO melancarkan kempen antilula peringkat kebangsaan tahun lalu dengan menawarkan pemeriksaan

kesihatan percuma dan program kesedaran kepada pekerja.

"Kerajaan bukan sekadar bertindak selepas pekerja cedera atau sakit, sebaliknya memberi tumpuan kepada pencegahan.

"Kita mahu menyumbang dalam mengurangkan kecederaan di tempat kerja, kemalangan jalan raya dan penyakit pekerjaan sebelum ia berlaku," katanya.

High payouts for PERKESO

Sugar-related ailments costing govt RM421mil a year

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Sugar-related ailments, such as diabetes, are costing the Social Security Organisation (PERKESO) about US\$100mil (RM421mil) in annual payouts.

The Human Resources Minister highlighted PERKESO's efforts in actively addressing occupational safety and health matters, with a strong commitment to contributing to the prevention of workplace mishaps.

"We also conduct free medical checks to ensure our workers are happy. A low-sugar campaign was

launched recently to address diabetes.

"Sugar and diabetes are costing PERKESO almost US\$100mil a year in payouts and other benefits. We want to reduce incidents of accidents, disasters and occupational hazards even before they happen," Steven Sim (pic) said at the World Social Security Forum (WSSF) here yesterday.

He said this during a panel session at the WSSF Summit.

During the same session, Sim said he plans to table a new Bill aimed at providing round-the-



clock protection to all workers in Malaysia.

"This not only deals with the issue of changing work hours, fatigue and stress after work, but also bridges the gap between those covered by private insurance and those not.

"Extending the 24-hour social security insurance to workers can resolve many different problems at the same time," he said.

Other notable achievements, he said, include the extension of social security protection to homemakers, alongside the passage of legislation that

provides social security protection to gig economy workers in Malaysia.

Sim added that full social security coverage has also been extended to all migrant workers in Malaysia.

Over the past decade, the minister stated that payouts to insured persons have increased by about 12%.

"We have also amended the law to increase payouts by up to 20% for insured persons.

"These are among the reforms we have introduced, ensuring no one is left behind.

"Together, we protect each other," he said.

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Conversations surrounding the evolution of social security coverage to serve a rapidly evolving work landscape took centrestage at the World Social Security Forum (WSSF) 2025.

Government leaders discussed evolving social security amid shifting work landscapes, focusing on turning challenges like ageing populations and technological change into equitable, sustainable protection.

Weighing in, Human Resources Minister Steven Sim said the evolution of jobs meant that more people would be outside the traditional notion of employment.

This, he said, makes it harder for social security agencies to distinguish between working hours and non-working hours.

"It also cannot be said that a person is only covered during certain hours as employees can also bring home stress and fatigue induced at the workplace," he said, adding that this may lead to unwanted incidents.

To this, Sim said there are plans to table a Bill that will allow round the clock social security protection for all workers in Malaysia.

"This not only deals with the issue of shifting work hours, fatigue or stress after work, but also helps bridge the gap between those who have private insurance coverage and those who do not."

"By extending 24-hour social security insurance to workers, we are resolving many different problems at the same time."

DRIVING SOCIAL SECURITY REFORM



Sim (centre) speaking to the audience as (from left) the moderator, Dr Mohammed Azman, Mansukh, Paraguay's Labour, Employment and Social Security Minister Monica Recalde De Giacomi and Senegal's Civil Service, Labour and Public Service Reform Minister Olivier Boucal look on during the second part of the World Social Security Summit at KLCC yesterday. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

Sim also highlighted how the Social Security Organisation (PERKESO) had reengineered its business process to reduce the time needed to issue Guarantee Letters from three days to 24 hours.

"We are also aiming to cut this down to an hour. It previously took 40 days and it has since been reduced to seven days owing to technological and digital advancements."

"We have all sorts of facilities and policies but the real test of our situation is in how fast and effective it can be delivered to the people," he said, adding that they are also targeting to reduce the duration of processing dialysis applications at PERKESO.

Sim was speaking at a panel

session during the World Social Security Summit at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) yesterday.

The session featured social security leaders from around the world and was moderated by International Social Security Association (ISSA) president and PERKESO group chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

At WSSF's closing ceremony, India received the ISSA Award for Outstanding Achievements in Social Security 2025, recognising its efforts to extend coverage to both formal and informal workers.

The award was presented to India's Labour and Employment



Dr Mohammed Azman secured a second term as ISSA president with resounding global mandate from ISSA member institutions nationwide.

Minister Mansukh Mandaviya. Certificates of Excellence were also awarded to 19 social security institutions from 14 countries for successfully implementing ISSA Guidelines in key areas of social security administration.

Malaysia also continues to remain at the helm of global social security leadership as PERKESO's Dr Mohammed Azman was reelected as ISSA president.

He secured a second term with resounding global mandate from ISSA member institutions nationwide.

Dr Mohammed Azman was previously elected as the 17th ISSA president during the WSSF 2022 in Morocco.

"The path ahead is fraught

with urgent challenges including climate shocks that destabilise livelihoods, rapid population ageing that strains health systems and social services, and the rise of new forms of work undermining traditional contributory models.

"These issues are widening inequalities and risks of exclusion, alongside mounting challenges in protecting migrant workers and ensuring the portability of their benefits across borders."

"At the same time, social security systems face the critical test of maintaining sustainable financing in a volatile global economy, as ageing populations, rising healthcare costs and global uncertainties continue to put pressure on resources," he said.

Dr Mohammed Azman underscored that the task ahead is not only to protect but also to empower, by building global cooperation so that no one is left behind in a rapidly changing world.

The five-day WSSF 2025, held from Sept 29 to Oct 3, established Kuala Lumpur as a global hub for social protection dialogue. Organised by ISSA, it was co-hosted by PERKESO and the Employees Provident Fund (EPF), with support from Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) or KWAP, and the implementation coordination unit of the Prime Minister's Department (ICU JPM).

The summit's theme was "Shaping Social Security for a World in Transition."

Akhbar	Tamil Malar
Tarikh	4 October 2025
Ruang	Nation
Muka Surat	1

நீரிழிவு போன்ற நோய்களின் எதிரொலி: சொக்சோவுக்கு ஆண்டுதோறும் வெ.42.1 கோடி செலவு ஏற்படுகிறது



கோலாலம்பூர், அக். 4-
நீரிழிவு போன்ற சீனி சம்பந்தப்பட்ட
நோய்களுக்காக சமூகப் பாதுகாப்புக் கழகம்
(சொக்சோ) ஆண்டுதோறும் நாற்பத்திரண்டு கோடியே
பத்து லட்சம் வெள்ளி செலவிட வேண்டிவருகிறது
என்று மனிதவள அமைச்சர் ஸ்ரீவன் சிம் நேற்று
தெரிவித்தார்.

பக்கம்
13



**சீனி தொடர்பான நோய்கள்;
ஆண்டு இழப்பீடு
100 மில்லியன் டாலர்
சொக்சோ வழங்குகிறது**

கோலாலம்பூர், அக். 4-
நீரிழிவு போன்ற சீனி தொடர்பான
நோய்களுக்காக சொக்சோ எனப்படும்
சமூகப் பாதுகாப்பு இயக்கம் ஆண்டுக்கு
100 மில்லியன் அமெரிக்க டாலரை (421
மில்லியன் ரிங்கிட்) இழப்பீடு
வழங்குகிறது என்று மனிதவள அமைச்சர்
ஸ்டீவன் சிம் கூறினார்.



பக்கம்
13

PERKESO